

Kuala Lumpur: Pasukan GG yang terdiri daripada penuntut KDU College Penang, Adrian Teo Wei Hong dan mahasiswa Universiti Malaysia Perlis (UMP), Lee Jia Ying dinobatkan sebagai juara pertandingan 'Go Green in the City' University Challenge oleh Schneider Electric, di sini, semalam.

Pengarah Schneider Electric Malaysia, Anna Tan berkata, jumlah penyertaan dari tahun ke tahun meningkat, sekali gus dapat melahirkan bakat yang berkualiti kerana pelajar menunjukkan minat mendalam ketika program itu diadakan.

"Dengan permintaan yang semakin meningkat untuk tenaga dan kesannya terhasil pada pembangunan negara serta alam sekitar, kita perlu tahu cara untuk mengurangkan kos tenaga tanpa menjelaskan bekalan terbaik," katanya pada sidang media, di sini, baru-baru ini.

Sebanyak 184 pasukan dari 32 kolej dan universiti di seluruh negara menyertai pertandingan itu di mana program itu bukan sahaja bertujuan untuk menggesa

LEE (kiri) dan Adrian yang memenangi tempat pertama di pertandingan 'Go Green in the City' come to

Go Green in the City

Paris, June 2015



Penuntut KDU, UPM juara 'Go Green in the City'

generasi muda menggunakan tenaga secara berhemah, malah untuk mengejar kerjaya dalam bidang pengurusan tenaga.

Sementara itu, Adrian, 22, berkata, dia sangat teruja mewakili Malaysia dalam

program itu dan akan menggalas amanah melakukan yang terbaik supaya layak mara ke pusingan berikutnya yang akan berlangsung di Paris pada Jun 2015.

Pasukan GG akan mewakili Malaysia untuk bersaing

dengan pasukan lain antaranya Indonesia, Korea, Myanmar, Filipina, Singapura, Taiwan, Thailand dan Vietnam dalam pertandingan Schneider Electric 'Go Green in the City' East Asian 2015 pada 2 April ini.